

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DR. AZMAN BIN ISMAIL
(KUALA KEDAH)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan senarai pembelian-pembelian aset Kementerian dalam 5 tahun terakhir beserta kos pembelian dan komisyen yang dibayar serta penerima komisyen.

JAWAPAN:

Kementerian Pertahanan telah diperuntukkan sebanyak RM16.1 billion untuk Rancangan Malaysia ke-10. Antara perolehan utama yang dibuat ialah seperti berikut ;

- a. Perolehan Kenderaan Berperisai 8X8 (AV8) dengan jumlah kos keseluruhan RM 7.55 billion;**
- b. Perolehan Littoral Combat Ship (LCS) dengan jumlah kos keseluruhan RM 9 billion;**
- c. Perolehan senjata Colt M4 Carbine dengan jumlah kos keseluruhan RM 817 juta; dan**
- d. Perolehan pesawat A400M dengan jumlah kos keseluruhan RM 3.9 billion.**

Manakala bagi setiap perolehan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pertahanan tidak pernah wujudnya sebarang pembayaran komisen.